



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 1981

Tuan,

TAFSIRAN SYARAT 28 HARI YANG TIDAK TERPUTUS BAGI MELAYAKKAN SESEORANG MENDAPAT ELAUN MEMANGKU ATAU ELAUN TANGGUNGAN KERJA

1. Tujuan

1.1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memberi kebenaran menerima elaun kepada seseorang yang memangku atau menanggung kerja jika bercuti tidak lebih daripada 3 hari (selain daripada hari cuti awam atau kelepasan am) dalam masa 28 hari yang pertama semasa memangku atau menanggung kerja.

2. Latar belakang

2.1. [Perintah Am Bab "B" 34 \(b\)](#) ada menyebutkan "Elaun bagi menjalankan tugas-tugas di atas hanya boleh dibayar bila pemangkuan itu adalah bagi masa yang tidak kurang daripada 28 hari yang tidak terputus-putus, termasuk hari kelepasan am". Begitu juga [Pekeliling Perkhidmatan 6/77](#) perenggan 4.1 memperuntukkan "Sesuatu pemangkuan/penanggungan kerja hanya layak mendapat bayaran apabila tempoh itu tidak kurang daripada 28 hari yang tidak terputus-putus. (Bagi maksud ini hari kelepasan am dikira sebagai hari kerja)".

2.2 Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di atas, elaun memangku atau elaun tanggungan kerja hanya akan dibayar sekiranya pegawai yang memangku atau menanggung kerja itu memenuhi tempoh 28 hari berturut-turut. Perkiraan 28 hari ini adalah dikira daripada tarikh mula memangku atau menanggung kerja tanpa diselangi oleh sebarang cuti kecuali cuti awam atau hari kelepasan am. Sekiranya pemangku atau penanggung kerja berkenaan mengambil cuti, maka beliau telah memutuskan tempoh pemangkuan atau penanggungan kerja itu dan tempoh 28 hari ini akan dikira semula dari tarikh hari pertama beliau balik dari bercuti.

2.3 Amalan di atas adalah ditumpukan kepada kelayakan mendapat bayaran elaun memangku atau elaun tanggungan kerja bagi tempoh 28 hari yang pertama. Selepas mendapat elaun-elaun berkenaan bagi tempoh 28 hari yang pertama, pegawai berkenaan boleh mengambil cuti seperti biasa sepertimana yang dibekalkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1977](#).

3. Arahan Baru

3.1 Amalan sekarang telah mendatangkan beberapa kesulitan dan perasaan tidak puashati. Dengan ini adalah diputuskan bahawa seseorang pegawai yang memangku atau menanggung kerja dan belum dibayar elaun berkenaan bagi tempoh 28 hari yang pertama dibenarkan mengambil cuti dharurat atau kecemasan selama tidak lebih daripada 3 hari. Cuti ini tidak akan dianggap sebagai memutuskan tempoh "28 hari yang tidak putus-putus" sepertimana yang dikehendaki di dalam [Perintah Am Bab "B" 34 \(b\)](#) dan perenggan 4.1, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/77](#).

3.2 Maksud cuti dharurat atau cuti kecemasan itu adalah cuti sakit, cuti yang diwajibkan mengikut kuatkuasa undang-undang seperti cuti Rukun Tetangga dan cuti rehat bagi urusan-urusan yang tidak dapat dielakkan. Cuti 3 hari itu tidak termasuk cuti awam atau hari kelepasan am.

3.3. Walaubagaimanapun, Ketua-ketua Jabatan adalah bertanggungjawab membuat kawalan supaya kelonggaran ini tidak disalahgunakan atau diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

3.4 Ketua-ketua Kementerian/Jabatan adalah diminta mengambil perhatian dan memaklumkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian/Jabatan masing-masing mengenai perkara ini. Sebarang keraguan dan kemusykilan yang timbul berhubung dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SULAIMAN BIN HASHIM)
*Pengarah Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

30hb. September, 1981

Ketua Setiausaha Negara
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.